

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

SOALAN

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi membanteras penggunaan nama-nama berunsur Islam sebagai nama restoran sedangkan pengusaha dan pekerjanya adalah bukan beragama Islam di mana ini menyebabkan makanan yang disediakan diragui status halalnya.

JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan nama-nama berunsur Islam sebagai nama restoran secara asasnya pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak membenarkan pendaftaran nama syarikat menggunakan perkataan perkataan halal dan nama-nama bercirikan Islam bagi tujuan mengelirukan pengguna.

Berdasarkan kepada Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan apa-apa makanan dengan membuat apa-apa representasi atau perbuatan yang boleh memperdayakan atau mengelirukan mana-mana orang bahawa makanan itu adalah halal atau boleh dimakan oleh orang Islam adalah melakukan suatu kesalahan dibawah Akta Perihal Dagangan 2011 di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Perintah ini boleh, apabila disabitkan — (a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi

NO. SOALAN: 60

sepuluh juta ringgit; atau (b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.